

120 anggota bomba obes dipilih sertai Ekspedisi Kospen berdasarkan BMI

Daki gunung turunkan berat badan

KUALA TERENGGANU – Seramai 120 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu yang mempunyai berat badan berlebihan menyertai program Ekspedisi Kospen

di Gunung Chemerong, Dungun semalam. Penolong Pengarah Bahagian Operasi JBPM Terengganu, Khir Amir Ahmad berkata, program sehari itu bertujuan menurunkan berat badan mereka dan memas-

tikan tahap kesihatan setiap anggota.

“Sebagai agensi penyelamat, tahap kesihatan dan kecergasan setiap anggota amat penting kerana untuk melakukan operasi atau menjalankan aktiviti menyelamatkan, fizikal anggota turut memainkan peranan bagi memudahkan pergerakan mereka.

“Contohnya apabila berlakunya kebakaran, jika anggota bomba mempunyai berat badan berlebihan dan obes, ia akan menyebabkan pergerakan mereka terbatasi,” katanya kepada *Bernama* semalam.

Menurut Khir Amir, anggota yang terlibat dalam program itu dipilih berdasarkan Indeks Jisim Tubuh (BMI) iaitu mereka yang mempunyai berat badan berlebihan diharuskan mengikuti latihan.

“Semua anggota diarahkan menjalani



SEBAHAGIAN anggota JBPM Terengganu yang menyertai program Ekspedisi Kospen di Gunung Chemerong, Dungun semalam.

pemeriksaan BMI sebelum dibenarkan mendaki Gunung Chemerong. Jarak perjalanannya sejauh 2.5 kilometer ke air terjun dengan kecerunan 45 darjah,” ujarnya.

Gunung Chemerong yang terletak di kawasan Hutan Simpan Pasir Raja, Dungun mempunyai ketinggian 370 meter dari aras laut.